



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA

SIARAN MEDIA

FUTURE FOCUS SERIES: MALAYSIA'S STRATEGIC POSITION IN A TURBULENT GLOBAL ECONOMY

Putrajaya, 4 Mei 2026 – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Razak School of Government (RSOG), sebuah pusat pengajian di bawah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah menganjurkan program *Future Focus Series: Malaysia's Strategic Position in a Turbulent Global Economy*, bertempat di DoubleTree by Hilton, Putrajaya hari ini.

Program *Future Focus Series* ini merupakan inisiatif strategik oleh RSOG, bagi menggalakkan dialog dan penglibatan sektor awam serta swasta dalam isu-isu semasa yang kritikal dalam membentuk kehidupan rakyat Malaysia. Program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Shahrazat Haji Ahmad Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan), mewakili YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, merangkap Timbalan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah RSOG.

INISIATIF PERKUKUH DIALOG AWAM-SWASTA

Dalam ucap tamanya, beliau menekankan **peranan RSOG sebagai sebahagian daripada INTAN dalam memperkukuh kepimpinan, tadbir urus dan inovasi dasar kerajaan**. Menurut beliau, usaha ini penting bagi memastikan sektor awam kekal tangkas dan berdaya tahan dalam mendepani cabaran global, di samping memacu pembangunan negara secara mampan melalui kerjasama rentas sektor.

Sesi dialog dalam program ini telah dikendalikan oleh YBrs. Dr. Wafi Nazrin Dr. Abdul Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif, RSOG, bersama-sama panel dari pelbagai latar belakang profesional iaitu YBrs. Datuk Dr. Suhana Md. Saleh, Pengarah Bahagian (Makro), Kementerian Ekonomi, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Tony Fernandes, Ketua Pegawai Eksekutif Capital A Berhad, YBrs. Dr. Mohd Afzanizam Abdul Rashid, Ketua Ahli Ekonomi, Bank Muamalat Malaysia Berhad dan YBrs. Encik Danial Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif, Asian Strategy & Leadership Institute (ASLI).

PLATFORM STRATEGIK HADAPI KETIDAKTENTUAN GLOBAL

Sebagai siri sulung, *Future Focus Series* ini berfungsi sebagai platform yang menghimpunkan pemimpin daripada sektor kerajaan, akademik, industri dan masyarakat sivil untuk merangka strategi yang berdaya tahan dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi global. Lebih 150 peserta hadir bagi bertukar pandangan, termasuk mengenai implikasi krisis di Asia Barat terhadap ekonomi Malaysia.

Perbincangan turut menyentuh cabaran utama seperti penjajaran semula perdagangan global, gangguan teknologi, tekanan rantai bekalan serta konflik geopolitik. Dalam konteks ini, Malaysia perlu terus memperkukuh kestabilan ekonomi dan memanfaatkan kedudukannya sebagai hab serantau.

Program ini mencerminkan **komitmen berterusan RSOG dalam menyokong Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam melalui pengukuhan kerjasama antara sektor awam dan swasta**, sekali gus mempercepat penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan berimpak tinggi kepada rakyat.

####

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Tarikh : 4 Mei 2026
E-Mel : korporat@intanbk.intan.my / uka@intanbk.intan.my
No. Rujukan : INTAN.100-9/1/1 (11)